

16/12/1997

Universiti: Perkembangan membanggakan

Syuhada Choo Abdullah

BERMULANYA operasi tiga universiti swasta tempatan yang pertama sudah cukup untuk mencatatkan perkembangan membanggakan di dalam sejarah pendidikan tinggi tanah air sepanjang tempoh tahun ini.

Universiti dinaungi tiga syarikat swasta gergasi itu ialah Universiti Telekom (Unitele), Universiti Tenaga Nasional (Uniten), dan Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Unitele yang sebelum ini dikenali sebagai Institut Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat (ITTM), menjadi universiti swasta sulung negara selepas Telekom Malaysia Berhad menerima surat pelawaan penubuhan daripada Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, tahun lalu.

Sementara itu dua lagi universiti swasta, iaitu Universiti Sains dan Teknologi Malaysia serta Universiti Antarabangsa dan Komanwel Malaysia (ICUM) pula dijadualkan memulakan pengambilan masing-masing pada tahun depan.

Pastinya, penubuhan universiti swasta berkenaan akan membuka lembaran baru yang menarik di dalam arena pendidikan tinggi tempatan ketika negara menuju ke arah pencapaian matlamat sebagai pusat kecemerlangan pendidikan yang disegani masyarakat antarabangsa.

Paling penting, universiti swasta terbabit mampu berperanan menampung keperluan pendidikan tinggi anak watan, termasuk menyediakan peluang kemasukan lebih luas dengan menawarkan mutu pengajian setaraf dengan institusi pengajian tinggi (IPT) di luar negara.

Menyelit di tengah-tengah kerancangan penubuhan universiti swasta ialah kenaikan taraf Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 1 Mei lalu bertujuan mempertingkatkan martabat pendidikan dan negara secara keseluruhan.

UPSI membuat pengambilan kumpulan pelajar pertama pada Jun lalu dengan membabitkan seramai 335 pemegang Diploma Perguruan Khas yang dijadualkan mengikuti kursus Sarjana Muda Pendidikan selama dua tahun.

Lebih menarik lagi ialah pada kali ini, UPSI membuka pintunya kepada kemasukan semua kaum walaupun sebelum ini ia adalah institusi eksklusif untuk Bumiputera saja.

Sementara itu, terbaru bertepatan dengan dasar belanjawan berhemat ekoran krisis ekonomi yang melanda negara pada hujung tahun ini, kerajaan membuat keputusan untuk membatalkan penghantaran sebahagian besar (sehingga 80 peratus) pelajar tempatan tajaannya ke luar negara pada tahun depan.

Pembatalan itu membabitkan beribu-ribu pelajar tajaan pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), termasuk lebih 3,000 pelajar tajaan Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan sedang mengadakan rundingan dengan universiti swasta sedia ada untuk menguruskan peruntukan tempat pengajian kepada pelajar terbabit.

Sejajar dengan usaha menjimatkan kos perbelanjaan pendidikan yang perlu ditanggung oleh kerajaan itu, kementerian turut bercadang mewujudkan sebuah konsortium diwakili semua universiti tempatan bagi membolehkan IPT berkenaan melaksanakan kaedah pendidikan jarak jauh (PJJ) yang sama.

Melalui langkah itu, perbelanjaan besar akan dapat dijimatkan berbanding jika setiap universiti menjalankan cara pelaksanaan PJJ masing-masing yang menyebabkan infrastruktur telekomunikasi dan multimedia tidak dapat digunakan secara optimum.

Mei lalu, Najib menggemparkan warga pendidikan tinggi tanah air khususnya apabila mengumumkan kementerian sedang mengkaji kemungkinan memansuhkan semua kursus matrikulasi di universiti tempatan supaya dapat memberi tumpuan terus terhadap aspek pengajaran kepada pelajar tahun pertama kerana ia adalah kursus yang mahal.

Kenyataan itu kemudian mendapat pelbagai reaksi daripada ahli akademik yang meminta cadangan berkenaan dikaji semula memandangkan program matrikulasi diperkenalkan bertujuan mengatasi masalah kekurangan pelajar Bumiputera di dalam bidang sains dan teknikal.

Berikutan itu pada awal Jun lalu, Najib menjelaskan bahawa kementerianya masih mengkaji secara mendalam program itu sebelum mengambil keputusan muktamad kemudian.

Kajian itu merangkumi cadangan sama ada dikekalkan, diteruskan dengan sedikit pengubahsuaian, termasuk mungkin difrancaiskan kepada pihak tertentu, atau diambil alih oleh kementerian.

Seterusnya, tahun ini juga menyaksikan terjawabnya pelbagai persoalan utama mengenai isu pengkorporatan IPT awam, bermula dengan Universiti Malaya (UM) pada 1 Januari depan.

Antaranya ialah penjelasan yang diumumkan oleh Najib mengenai syarat dan terma perkhidmatan baru untuk kakitangan UM apabila universiti tertua tanah air itu dikorporatkan kelak.

Berikutan pengkorporatan itu, UM diberi hak mewujudkan sistem saraan sendiri dan kakitangannya akan ditawarkan pilihan sama ada kekal di bawah Sistem Saraan Baru mahupun Sistem Saraan Universiti Malaya (SSUM).

Mereka yang memilih skim baru akan menerima pemindahan gaji berasaskan formula baru, termasuk satu kenaikan gaji secara mendatar.

Berdasarkan formula baru itu yang meliputi gaji pokok dan imbuhan tetap, kakitangan akademik di semua peringkat akan menerima kenaikan gaji di antara 20 sehingga 22.8 peratus atau di antara RM530 dan RM2,886.

Perkembangan lain yang turut mencatatkan perubahan utama di dalam sejarah pendidikan tinggi negara ialah penukaran nama Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia dengan mengekalkan singkatan UPM, April lalu.

Penukaran nama itu yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah selaras dengan peranan UPM yang lebih penting dalam penyelidikan serta pembangunan di bidang sains dan teknologi seperti teknologi maklumat (IT) dan multimedia.

Di samping itu, nama baru berkenaan juga dipilih kerana kedudukan lokasinya bersebelahan dengan Putrajaya, iaitu pusat pentadbiran baru kerajaan yang terletak dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

Terletak di kawasan seluas 0.8 hektar di Serdang, UPM berasal daripada Sekolah Pertanian yang ditubuhkan oleh Pegawai Pentadbir Kerajaan Negeri-negeri Selat, John Scott, pada 21 Mei 1931.

Pada 3 Julai lalu, Najib melancarkan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) yang ditubuhkan bertujuan menetapkan, mengawasi dan memberi pengiktirafan bagi kursus serta sijil, diploma dan ijazah dikeluarkan oleh IPTS.

Pengiktirafan itu akan diberikan dalam dua bentuk, iaitu pengiktirafan terhadap institusi serta pengiktirafan kepada kursus. Oleh itu, LAN bertanggungjawab menentukan kualiti dan mekanisme penentuan kualiti bagi IPTS.

Tahun ini juga mencatatkan penubuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang beroperasi mulai 1 November ini.

Perbadanan berkenaan bertanggungjawab mentadbir dan mengendalikan tabung pendidikan tinggi nasional untuk memberi pinjaman kepada pelajar yang layak melanjutkan pelajaran di IPTA dan IPTS.

Selain itu, Kementerian Pendidikan turut mengumumkan bahawa mulai tahun ini, borang permohonan untuk memasuki program matrikulasi, diploma serta

ijazah pertama di semua IPTA bagi sesi 1998/99 akan diedar terus ke sekolah seluruh negara dan bukan lagi dijual di pejabat pos seperti sebelumnya.

Langkah itu bertujuan mengelakkan kesesakan di pejabat pos seperti yang pernah berlaku sebelum ini serta kebimbangan orang ramai mengenai kemungkinan borang permohonan tidak mencukupi.

Justeru, calon persendirian atau pelajar yang tidak membuat pesanan di sekolah masing-masing boleh mendapatkan borang kemasukan di Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar IPT (BPKP), Kementerian Pendidikan, bermula 15 Disember lalu menerusi pos atau membeli terus di bahagian berkenaan.

Mulai tahun ini juga, permohonan untuk memasuki semua program matrikulasi, diploma dan ijazah pertama IPTA diselaraskan di BPKP kecuali bagi program ijazah pertama di Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

(END)